

Latihan 7: Kata Adjektif (Sila pilih jawapan yang paling sesuai)
(marah, berani, takut, antik, dahaga, handal, buas, tangkas)

- 1) Saya tidak _____ pada anjing itu kerana saya sudah biasa dengannya.
- 2) Pihak lawan tidak dapat mengawal pemain itu kerana sungguh _____ ketika menggelecek bola.
- 3) Barangan _____ itu merupakan warisan budaya yang tidak ternilai.
- 4) Harimau ialah binatang yang _____.
- 5) Abang berasa _____ setelah dua jam berjoging di taman rekreasi.
- 6) Azmi sangat _____ dalam permainan bola keranjang dan dia merupakan ayam tambatan bagi pasukannya.
- 7) Pasukan ahli bomba sangat _____ untuk menyelamatkan para mangsa yang terperangkap di dalam kejadian kebakaran semalam.
- 8) Cikgu Lim _____ kerana Leta tidak menghabiskan kerja sekolah yang diberikan olehnya.